



جاپتن اگام اسلام فتح

GARIS PANDUAN SOLAT FARDHU BERJEMAAH DI MASJID DAN SURAU DI DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) COVID-19 DI NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR

1. LATAR BELAKANG :

Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19, solat jemaah di semua masjid di negeri Pahang hanya terhad kepada pegawai masjid sahaja iaitu Imam, Bilal dan Siak. Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) COVID-19, Kerajaan Negeri telah membenarkan masjid-masjid dibuka secara berperingkat untuk solat Jumaat. Pihak Kerajaan Negeri juga telah bersetuju memperluaskan lagi aktiviti solat berjemaah di masjid selain solat Jumaat dengan dimulakan dengan solat jemaah subuh.

Fasa pergerakan terhad telah berubah dengan adanya Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Dalam fasa ini sektor sosial telah dibuka dengan lebih luas dan pengawalan sendiri dititikberatkan termasuklah perluasan solat fardhu di masjid dan surau.

2. TUJUAN :

Garis Panduan Solat Fardhu Berjemaah di dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) COVID-19 ini disediakan adalah sebagai panduan pihak masjid dan masyarakat untuk menunaikan ibadah tersebut di masjid dan surau dalam tempoh PKPP akibat penularan COVID-19.

3. OBJEKTIF :

3.1 Mewujudkan penyelarasan dengan memastikan pelaksanaan tugas mengikut ketetapan yang ditentukan oleh pihak berkuasa.

3.2 Menguruskan masyarakat agar mematuhi arahan PKPP COVID-19 bagi menunaikan solat fardu berjemaah di masjid dan surau.

3.3 Memastikan tiada jangkitan kluster atau penyebaran wabak di kalangan ahli jemaah.

4. TEMPAT PELAKSANAAN :

Semua masjid dan surau di seluruh negeri Pahang.

5. PANDUAN SOLAT FARDHU DALAM TEMPOH PKPP

Selaras dengan ketetapan kerajaan dalam pelaksanaan PKPP dan dengan meraikan nasihat keselamatan dan kesihatan yang diberikan oleh MKN dan KKM, dan juga cadangan serta hasrat masyarakat untuk menunaikan solat fardhu, berikut merupakan Garis Panduan Solat Fardhu Berjemaah di masjid dan surau sepanjang tempoh PKPP.

5.1 TANGGUNGJAWAB PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH

Mendapatkan maklumat kawasan/kariah yang diisytiharkan kawasan ada jangkitan Covid-19 daripada Pejabat Kesihatan Daerah dan mengarahkan solat berjemaah tidak boleh dilaksanakan di masjid dan surau di dalam kawasan berkenaan sehingga dibenarkan semula.

5.2 TANGGUNGJAWAB PENGURUSAN/PENTADBIR MASJID DAN SURAU

5.2.1 Memastikan hanya warga negara Malaysia yang sihat sahaja dibenarkan.

5.2.2 Masjid perlu menyediakan alat penyaring suhu badan (*infrared thermometer*) untuk menentukan suhu badan jemaah yang hadir solat berjemaah tidak melebihi dari 37.5 °C.

5.2.3 Masjid perlu memastikan semua jemaah yang hadir memakai pelitup hidung dan mulut (*face mask*).

5.2.4 Disediakan tanda pandu arah masuk dan keluar.

- 5.2.5 Menyediakan tempat wudu' dan tandas yang ditentukan oleh pihak masjid. Penggunaan kolah adalah tidak dibenarkan.
- 5.2.6 Menyediakan peralatan dan keperluan nyahkuman bagi proses nyahkuman setiap kali penggunaan tandas.
- 5.2.7 Menyediakan ruangan solat khas bagi musafir yang singgah di masjid dan perlu diadakan aktiviti nyahkuman sebanyak 5 kali sehari.
- 5.2.8 Merekod kehadiran jemaah melalui sistem yang ditentukan oleh pihak masjid.
- 5.2.9 Saf solat fardhu disusun berdasarkan jarak penjarakan sosial iaitu satu (1) meter yang telah dibuat penandaan terlebih dahulu.
- 5.2.10 Ahli kariah yang tersenarai sebagai PUI dan PUS COVID 19 sama sekali tidak dibenarkan hadir.
- 5.2.11 Semua jemaah yang hadir dibuat saringan suhu badan menggunakan *infrared thermometer* sebelum memasuki masjid dan surau.
- 5.2.12 Pintu pagar masjid dibuka hanya dua iaitu satu ketika masuk dan satu ketika keluar dan ada pengawal keselamatan ditempatkan yang ditentukan oleh pentadbir masjid dan surau.
- 5.2.13 Pintu pagar dan pintu masjid ditutup selepas iqamat dilaungkan.
- 5.2.14 Ruang yang bertanda sahaja dibuka khas untuk bersolat manakala ruangan lain perlu ditutup.
- 5.2.15 Jemaah dipastikan bersurai dalam keadaan tenang.
- 5.2.16 Jemaah dipastikan tidak berpusu-pusu di pintu ketika keluar dan tidak membuat perkumpulan kecil sama ada di dalam atau di luar masjid dan surau.

5.3 TANGGUNGJAWAB JEMAAH

- 5.3.1 Hanya warga negara Malaysia yang berumur 12 tahun ke atas yang benar-benar sihat dibenarkan hadir.

- 5.3.2 Merekodkan kehadiran ke dalam buku rekod yang ditetapkan.
- 5.3.3 Memastikan setiap Individu yang hadir adalah mereka yang benar-benar sihat dan bebas dari simptom Covid-19 seperti demam, batuk, selesema, alahan dan sebagainya.
- 5.3.4 Semua jemaah yang hadir hendaklah memakai pelitup hidung dan mulut (*face mask*).
- 5.3.5 Memastikan setiap jemaah membawa sejadah sendiri dari rumah.
- 5.3.6 Memastikan datang ke masjid dan surau dalam keadaan berwudu'.
- 5.3.7 Memastikan amalan bersalaman dan bersentuhan tidak dilakukan.
- 5.3.8 Memastikan terus berada di dalam saf solat berjemaah yang telah ditandakan dan perlu mematuhi penjarakan sosial iaitu satu (1) meter antara jemaah.
- 5.3.9 Kekal dalam penjarakan semasa pergerakan masuk dan keluar saf.
- 5.3.10 Amalan berselawat selepas solat boleh dilaksanakan tetapi tindakan bersalaman tidak dibenarkan.
- 5.3.11 Meninggalkan ruangan solat dengan membawa sejadah dan keluar dengan teratur iaitu saf demi saf dengan arahan daripada imam bertugas bagi mengelakkan sentuhan dan terus meninggalkan masjid.
- 5.3.12 Jemaah akan keluar mengikut arahan imam bertugas

5.4 TANGGUNGJAWAB BILAL

- 5.4.1 Azan menggunakan lafaz yang lazim digunakan sebelum tempoh PKP.
- 5.4.2 Iqamat dilaungkan selepas 20 minit azan atau mengikut kesesuaian masjid.

5.5 TANGGUNGJAWAB JEMAAH MUSAFIR

- 5.5.1 Jemaah warga negara Malaysia berumur 12 tahun ke atas dan sihat sahaja dibenarkan memasuki masjid dan surau. Bagi kanak-kanak 12 tahun ke bawah hendaklah dengan kawalan penjaga.
- 5.5.2 Sekiranya solat fardu belum dilaksanakan di masjid atau surau dan petugas keselamatan masih ada, hendaklah mengikuti segala SOP yang telah ditentukan oleh pihak masjid dan surau.

5.5.3 Sekiranya hadir ke masjid dan surau dalam keadaan tiada pegawai bertugas semua Garis Panduan yang ditetapkan perlu dipatuhi kecuali pengambilan suhu badan.

5.5.4 Melaksanakan solat di ruangan khas yang telah ditentukan sahaja.

5.5.5 Melaksanakan aktiviti nyahkuman selepas menggunakan tandas.

6. TABUNG MASJID

Penggunaan tabung derma bergerak di dalam masjid dan surau adalah tidak dibenarkan. Bagi jemaah yang ingin menderma hendaklah menggunakan tabung derma yang ditentukan oleh pihak masjid.

7. PENUTUP

Semoga garis panduan ini dipatuhi oleh semua Pegawai dan AJK Masjid dan Surau serta dalam makluman dan tindakan semua Pengerusi Masjid dan Surau di Negeri Pahang. Pihak masjid, surau dan jemaah adalah bertanggungjawab sepenuhnya kepada sebarang pelanggaran kepada arahan dan tatacara yang dikeluarkan ini.

Pengarah

Jabatan Agama Islam Pahang